

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN**

KAWASAN : TANJONG MANIS

TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 21

**Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABDUL RAHMAN [TANJONG
MANIS] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan adakah terdapat peningkatan pelaburan langsung
asing (foreign direct investment/ FDI) dari Amerika Syarikat berikutan
penurunan nilai ringgit berbanding dolar 2015 (sehingga September)
berbanding tahun 2014.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Meskipun persekitaran ekonomi pada ketika ini agak mencabar, Malaysia terus kekal kukuh sebagai sebuah destinasi pilihan bagi pelaburan asing dan domestik khususnya dalam sektor perkilangan.

Ini dibuktikan dengan peningkatan nilai pelaburan keseluruhan sebanyak RM67.7 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2015, berbanding RM63.3 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2014. Daripada jumlah tersebut, RM17.2 bilion (25.4%) merupakan pelaburan asing, manakala RM50.5 bilion (74.6%) adalah pelaburan domestik. Bagi seluruh tahun 2014, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM71.9 bilion.

Amerika Syarikat merupakan antara sumber utama pelaburan asing ke Malaysia. Pada tahun 2014, nilai pelaburan dari Amerika Syarikat adalah berjumlah RM1.4 bilion. Pelaburan ini melibatkan 23 projek serta menjana peluang pekerjaan sebanyak 2,897.

Didapati bahawa penyusutan nilai ringgit pada tahun ini tidak menjejaskan prestasi pelaburan asing dari Amerika Syarikat di Malaysia. Bagi tempoh Januari hingga September 2015 sahaja, jumlah pelaburan yang diluluskan dari Amerika Syarikat telah mencecah RM2.2 billion, meningkat sebanyak 57.1 peratus berbanding tahun 2014. Pelaburan ini melibatkan 12 projek serta menjana peluang pekerjaan sebanyak 8,995. Projek perkilangan tersebut tertumpu kepada industri barangan elektronik & elektrik, alat-alat sains dan pengukuran dan barangan getah.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang sedang diambil Kementerian untuk menangani isu nilai Ringgit yang di bawah paras sebenar adalah:

- (i) Mengambil pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan langsung asing ke Malaysia. Pengilang-pengilang digalakkan untuk menggunakan keluaran tempatan sebagai input supaya mendapat pulangan yang lebih tinggi dengan kos pengeluaran dalam matawang Ringgit yang rendah. Pengilang-pengilang tempatan juga akan mendapat faedah apabila mereka mengeksport keluaran siap kerana harga yang ditawarkan lebih kompetitif; dan
- (ii) Menggalakkan pelabur asing untuk meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia dalam projek pelaburan yang berkualiti seperti projek-projek berteknologi tinggi, nilai ditambah yang tinggi, berintensif pengetahuan, kemahiran intensif, berorientasi eksport, berintensif modal, reka bentuk dan R&D, projek-projek yang mempunyai impak yang tinggi dan mempunyai hubungan yang kukuh dengan industri tempatan.

Kerajaan terus komited untuk memastikan akaun semasa dalamimbangan pembayaran terus mencatat lebihan, meneruskan pembaharuan fiskal dan konsolidasi, mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan memastikan sistem kewangan terus berfungsi, tanpa menjejaskan aktiviti perniagaan.